

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahit bhvarsiti@bh.com.my  
Kuantan

**Kuantan:** Pensyarah kanan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Abdul Syukor Abd Razak, muncul penyelidik tunggal negara meraih anugerah tertinggi bersempena dengan World Inventor Award Festival (WIAF) 2013 di Korea Selatan, baru-baru ini.

Beliau menerima anugerah World Inventor Grand Order of Merit disampaikan oleh Presiden Korea Invention News (KINEWS), Hong Soung Mo, pada majlis yang memberi pengiktirafan kepada 74 penyelidik daripada keseluruhan 250 penyertaan dalam bidang akademik, inovasi dan reka cipta dari pelbagai negara.

Ini berikutan produk penyelidikannya mengungguli tiga kategori pertandingan, iaitu Pisoptera yang memenangi Anugerah Teknologi Hijau, Phytogreen (Anugerah Kejuruteraan Alam Sekitar) dan Wasra (Anugerah Kejuruteraan Awam).

**Berpotensi dikomersialkan**

Abdul Syukor berkata, Phytogreen dan Pisoptera pernah dinilai oleh perun-



Abdul Syukor (kanan) menerima anugerah daripada Hong di Korea Selatan.

**WIAF**  
iktiraf kehebatan penyelidik UMP

ding Universiti Oxford, malah dipilih sebagai produk Peluang Perniagaan Inovasi (IPO) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Kedua-dua produk itu pernah dinilai panel Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan dipilih sebagai produk UMP yang berpotensi dikomersialkan," katanya.

WIAF dianjurkan KINEWS dengan kerjasama World Invention Intellectual Property Associations (WIIPA) dan International Intellectual Property Network Forum (IIPNF).

Penganugerahan itu mengiktiraf penyelidik yang aktif dalam bidang kajian, pembangunan, pengkomersialan, penerbitan ilmiah, pembangunan modal insan dan khidmat masyarakat serta menghasilkan reka cipta dan produk berkualiti tinggi.

**Bersaing peringkat antarabangsa**

Selain Malaysia, antara negara peserta lain ialah Korea, China, Jepun, Taiwan, Hong Kong, Iran, Iraq, Tuni-

sia, Arab Saudi, Brunei, Turki, Qatar, Indonesia, Croatia, Belgium, Amerika Syarikat, Poland, Filipina, Itali, Mesir, Singapura dan Jerman.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata pihaknya berbangga dengan pencapaian penyelidik tempatan seperti Abdul Syukor, yang mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, kejayaan itu diharapkan dapat meningkatkan semangat penyelidik untuk terus berusaha menghasilkan kajian yang berimpak tinggi dan diiktiraf dunia.

KEJAYAAN ITU DIHARAP MENINGKATKAN SEMANGAT PENYELIDIK BERUSAHA MENGHASILKAN KAJIAN YANG BERIMPAK TINGGI, DIIKTIRAF DUNIA

Abdul Syukor Abd Razak Pensyarah kanan UMP



Barisan penerima anugerah pada WIAF 2013, baru-baru ini.